

INTERGRITI DALAM ISLAM

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية العالمية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

I NTERGRITI DALAM SLAM



I NTERGRITI DALAM SLAM

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2007

Cetakan Pertama 2007

© Hakcipta terpelihara
Universiti Sains Islam Malaysia

Tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Bandar Baru Nilai,
71800 Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-798 8045 Faks: 06-798 6050

Reka Letak dan Urus Cetak:
YAMAMAH ENTERPRISE
A1004 Kyoto Garden, Persiaran Bukit Jaya,
Bukit Antarabangsa, 68000 Ampang,
Ulu Klang, Selangor.
Tel/Fax: 03-4105 1004

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam -Penerbitan

Zulkifli Mohamad al-Bakri, 1969-

Integriti menurut Islam / oleh Zulkifli bin Mohamad al-Bakri.

ISBN 978-983-2950-52-3

1. Integrity. 1. judul.

197.7

ISI KANDUNGAN

Prakata	i
Muqadimah	ii
Bab 1: Halangan Dan Cabaran Dalam Mencapai Integriti	1
Bab 2: Perlaksanaan	37
Bab 3: Cara Mengatasinya	71
Bab 4: Implikasi Dan Kesan Terhadap Integriti	77
Bab 5: Mutiara Nasihat	81
Penutup	91
Bibliografi	94

PRAKATA

أحمدك اللهم وأشكرك، أنت أهل الحمد ومستحقه، لا إله غيرك ولا رب سواك، أنت
مُسَدِّي كُلِّ نِعْمَةٍ وَمَبْسِرٌ كُلِّ مَهْمَةٍ، يَقُولُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ: لم يشكر الله من لم يشكر
الناس. والمرء لا يستطيع أن يفِي بحق كل من جعلته سببًا في وصول نعمك وإحسانك
إلى خلقك، ولكُنِّي التَّجِيُّ إِلَيْكَ بِأَنْ تُجْزِيَ كُلَّ مُحْسِنٍ وَتُكَافِيَ كُلَّ صَانِعٍ مَعْرُوفٍ.

Segala pujian hanya bagi Allah, kepada-Nya kita memohon keampunan, pertolongan, taufiq dan hidayah serta perlindungan daripada segala keburukan hawa nafsu dan amalan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, para sahabat tabi'in dan seluruh pengikut mereka sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya penulis dapat mengemukakan buku yang bertajuk *Integriti Dalam Islam* kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Buku ini memberi fokus berkenaan dengan isu integriti dari sudut perlaksanaannya, cabaran, halangan dan juga penyelesaian ke arah memantapkan piawai perkhidmatan dengan cemerlang.

Dengan disulami dengan ayat al-Quran dan hadis sebagai pengukuhan isu yang dibangkitkan di samping nilai-nilai murni yang diketengahkan. Garapan seperti ini bertujuan memudahkan bagi pembaca mengambil intipati, maksud dan juga kehendak yang baik dalam memahami isu integriti dengan lebih berkesan.

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Unit Penerbitan, Universiti Sains Islam Malaysia atas kerjasama yang diberikan begitu juga dengan sahabat yang banyak membantu dalam menjayakan penerbitan ini. Sekalung tahniah diucapkan, semoga ianya memberi manfaat kepada generasi ini dalam menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan. Amin.

Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri
Fakulti Syariah Dan Undang-undang
USIM

MUQADIMAH

Maksud *integriti* mengikut Kamus Dewan, Edisi Ketiga ialah kejujuran; mencemarkan nama baik dan jabatan. Ia juga bermaksud keadaan sempurna dan utuh.

Justeru, objektif umum Pelan Integriti Nasional (PIN) ialah untuk merealisasikan hasrat wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan “*membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.*”

Terdapat 5 objektif khusus. Secara ringkasnya seperti berikut:

1. Memberikan hala tuju dan bimbingan dalam pelbagai sektor untuk bekerjasama membina masyarakat yang berintegriti.
2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor.
3. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan masyarakat.
4. Mengukuhkan asas moral masyarakat dan negara.
5. Meningkatkan daya saing Malaysia menghadapi cabaran globalisasi.

Al-Syahid Imam Hasan al-Banna berkata: “Islam menggalakkan manusia bekerja dan mencari rezeki. Malah Islam menetapkan orang yang berkemampuan wajib bekerja. Islam amat memuji pekerja-pekerja yang mahir lagi profesional. Islam juga mengharamkan manusia meminta-minta. Islam menjelaskan bahawa ibadat yang terbaik ialah bekerja. Bekerja adalah sunnah para Nabi. Hasil usaha yang terbaik adalah dengan hasil usaha tangan sendiri. Islam mengecam mereka yang menganggur dan juga mengecam mereka yang menjadi beban kepada masyarakat walau dengan alasan apa sekalipun untuk mereka menganggur, untuk memberi tumpuan kepada ibadat. Islam tidak pernah mengenal erti pengangguran sebegini.

Bertawakkal kepada Allah SWT adalah dengan cara melakukan sesuatu dan yang boleh mendatangkan hasil. Jika salah satu perkara ini tidak dilakukan, ia bukan tawakkal. Rezeki yang ditentukan dikaitkan dengan usaha yang berterusan. Allah SWT berfirman:

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ
عَلِيمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.” (Al-Quran. Al-Taubah: 105)

Al-Qurtubi¹ berkata: Mengikut dalam khabar:

لَوْ أَنَّ رَجُلًا عَمِلَ فِي صَخْرَةٍ لَا بَابَ لَهَا وَلَا كُوَّةَ خَرَجَ عَمَلُهُ إِلَى النَّاسِ كَأَنَّ مَا كَانَ

Maksudnya: *Kalaulah seseorang melakukan sesuatu perkara dalam tembok batu, tiada pintu dan tingkap sekalipun, nescaya keluar amalannya itu kepada manusia.*

Ibn Kathir pula menyebut dengan menaqlikan pendapat Mujahid: “Ini merupakan ancaman yakni daripada Allah SWT kepada orang yang melanggar segala arahan-Nya di mana segala amalannya dibentangkan kepada Allah SWT, Rasul dan orang yang beriman.”

¹ Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar bin Farh al-Andalusi Abu Abdullah al-Qurtubi. Dilahirkan di bumi Qurtubah dari bumi Sepanyol. Salah seorang ahli tafsir yang terkemuka, ahli feqah, lughah, qiraat dan lain-lain. Bermazhab Maliki dan mempunyai istinbatat hukum yang hebat. Ahli terjemah menggelarnya sebagai daripada hamba Allah yang soleh, ‘ulama’ yang ‘arifin lagi wara’ dan zuhud. Menggunakan masanya untuk beribadat dan mengarang. Meninggal dunia di Muniyah Bani Khasif pada malam Isnin 9 Syawal, pada tahun 671 Hijrah.

PENUTUP

Melalui buku *Modul Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam*, terbitan JAKIM antara lain menyatakan; manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan unsur kerohanian dan fizikal yang merupakan potensi bagi membolehkan manusia mengurus tadbir dunia berbanding makhluk Allah SWT yang lain. Proses pematapan fungsi manusia akan menjadi sempurna apabila kedua-dua unsur tersebut berkembang secara sepadu dan seimbang. Unsur kerohanian adalah unsur abstrak yang terdiri dari roh, akal dan nafsu perlu dididik dengan nilai-nilai yang bersifat kerohanian yang memerlukan mekanisme pemantauan yang dikenali sebagai muhasabah diri. Tanpa didikan dan kawalan akan menyebabkan nafsu menguasai tindakan individu dan seringkali juga akal tidak dapat melaksanakan fungsinya yang sebenar.

Apabila situasi ini berlaku, akan mendorong individu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma kehidupan, peraturan dan undang-undang. Dalam konteks pengurusan dan urus tadbir organisasi, pembudayaan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran bahawa etika tersebut mesti di amalkan dan pengabaianya akan membawa kerosakan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada orang lain dan organisasi. Integriti dapat dipupuk dan dimantapkan melalui peringatan bahawa tugas adalah amanah, tindak tanduk individu dipantau melalui konsep ihsan, konsep pengetahuan dan penyaksian Allah SWT tidak ada batasan waktu dan tempat. Manakala konsep-konsep lain yang berteraskan nilai-nilai ajaran Islam yang akan menambah kekuatan dalaman penjawat awam untuk menghadapi tugas yang semakin mencabar.

Seorang yang soleh merumuskan cara menewaskan musuh ketatnya sama ada hasutan syaitan atau mengikut hawa nafsu. Saya telah merenung dan memikirkan cara-cara dari pintu manakah syaitan masuk ke dalam diri manusia. Ternyata ia masuk ke dalam diri manusia melalui sepuluh pintu.

Pertama: Tamak dan buruk sangka. Maka aku menghadapinya dengan sifat menaruh kepercayaan dan berpada dengan apa yang ada.

Kedua: Cintakan kehidupan dunia dan panjang angan-angan, lalu saya menghadapinya dengan perasaan takut terhadap kedatangan maut yang boleh berlaku saban waktu.

Ketiga: Cintakan kerehatan dan kemewahan, lantas aku menghadapinya dengan keyakinan bahawa kenikmatan itu akan hilang dan balasan buruk pasti menanti.

Keempat: Kagum terhadap diri sendiri (*'ujub*) lantas saya menghadapinya dengan rasa terhutang budi kepada Allah dan kepada akibat yang buruk.

Kelima: Memandang rendah terhadap orang lain dan tidak menghormati mereka. Lalu saya menghadapinya dengan mengenali hak-hak serta menghormati mereka secara wajar.

Keenam: Hasad (dengki) lalu saya menghadapinya dengan sifat berpada (*qana'ah*) dan redha terhadap kuniaan Allah SWT kepada makhluk-Nya.

Ketujuh: Riya' dan sukakan pujian orang. Lalu saya menghadapinya dengan ikhlas.

Kelapan: Bakhil (kedekut), lalu saya menghadapinya dengan menyedari bahawa apa yang ada pada makhluk akan binasa manakala yang kekal itu berada di sisi Allah SWT.

Kesembilan: *Takabbur* (membesar diri), lalu saya menghadapinya dengan rasa *tawadhu'*.

Kesepuluh: Tamak haloba, lalu saya menghadapinya dengan mempercayai ganjaran yang disediakan di sisi Allah SWT dan tidak tamak terhadap apa yang ada di sisi manusia.

Penyair berkata:

- | | | | |
|---|----------------------------------|---|--|
| ❖ | أما والله لو علم الأتام ا | ❖ | لما خَلَفُوا لَمَّا هَجَعُوا وَنَامُوا |
| ❖ | لقد خَلِفُوا لأمر لو رآته | ❖ | عَيُونُ قلوبهم تَاهُوا وَهَامُوا |
| ❖ | مَمَاتَ ثم قَبِرَ ثم حَسَرَ | ❖ | وَتَوَيْخَ وَأَهْوَالَ عِظَامُ |
| ❖ | ليوم الحشر قد عَمِلتَ رجال | ❖ | فصلُوا مِنْ مَخَافَتِهِ وَصَامُوا |
| ❖ | ونحن إذا أَمَرْنَا أو نَهَيْْنَا | ❖ | كأهل الكهفِ أَيْقَاطَ نِيَامُ. |

Maksudnya:

*Demi Allah! Jika manusia tahu nanti apa yang akan berlaku,
 Tidaklah mereka mahu lalai dan mensia-siakan diri selalu,
 Mereka dicipta kerana sesuatu jika mereka lihat,
 Hati merekakan terharu fikiran tak menentu kerana terperanjat,
 Bukanlah mereka akan menghadapi maut, kuburan kemudian mahsyar,
 Akan menerima celaan dan pelbagai kecelakaan yang besar-besar,
 Lantaran hari mahsyarlah maka manusia mesti mengerjakan,
 Solat, puasa dan zakatpun mesti dikeluarkan,
 Wajarlah kita apabila disuruh atau ditegah,
 Menunjukkan kesetiaan taat serta menurut perintah.*

Semoga matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk melahirkan masyarakat yang berintegriti dapat dicapai dengan jayanya. آمين

BIBLIOGRAFI

1. Abi al-Fadhl Syihabuddin al-Sayid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. 1999. *Ruh al-Ma'ani*. Cetakan Pertama, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
2. Muhammad Ali al-Sobuni. *Sofwah al-Tafasir*. Cetakan kesembilan, Dar al-Sobuni.
3. Imam Abi Muhammad al-Husain bin Mas'ud al-Farra' al-Baghawi. 1992. *Ma'alim al-Tanzil*. Cetakan Ketiga. Dar al-Makrifah.
4. Al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail ibn Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqi. 1994. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Cetakan Pertama. Dar al-Khair.
5. Abi al-Laith Nasr bin Muhammad Ahmad bin Ibrahim al-Samarqandi. 1993. *Bahr al-'Ulum*. Cetakan pertama. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
6. Imam Abdullah bin Ahmad al-Nasafi. 1996. *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*. Cetakan Pertama. Dar al-Nafais.
7. Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. 2004. *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Cetakan Pertama. Dar Ibn Hazm.
8. Imam Abi Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi. 2002. *Syarh Riyadh al-Solihin*, Cetakan Pertama. Dar al-Salam.
9. Syeikh Imam Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamani al-San'ani. 1995. *Subul al-Salam, Syarh Bulugh al-Maram*. Cetakan Pertama. Dar al-Makrifah.
10. Al-Ustaz Fathi Yakan. 2002. *Apa ertinya saya menganut Islam?* Cetakan Terbaru. Dewan Pustaka Fajar.

11. Kitab Fikah Mazhab Syafie, Cetakan pertama, Julai 2005, Pustaka Salam Sdn. Bhd.
12. Dr. 'Aid 'Abdullah al-Qarni. 2004. *La Tahzan* (Jangan bersedih). Cetakan Pertama. Klang Book Centre.
13. Ahmad Safuan al-Karami. 2005. *Jangan Takut (Don't Be Afraid)*. Cetakan pertama. Jasmin Enterprise.
14. *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna* (Terjemahan). Cetakan Pertama, Jun 2003. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
15. Syeikh 'Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarani. 2002. *Prinsip-prinsip Tasawwuf Islam*. Cetakan Pertama. Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
16. Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Cetakan Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. Dr. Mustafa al-Bugha, Muhyiddin Misto. 1998. *Syarah Hadis 40 Imam al-Nawawi (Terjemahan)*. Cetakan Mac. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
18. Syeikh Ahmad Semait. 2004. *Dosa-dosa Besar (terjemahan)*. Cetakan Kelima (Singapura). Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura.
19. Dr. Mustafa Sa'id al-Khin, Syeikh Muhyiddin Dib Misto. *'Aqidah Islamiyyah (terjemahan)*. Cetakan Pertama April 2004. Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
20. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 1*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

21. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 2*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
22. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 3*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
23. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 4*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
24. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 5*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
25. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 6*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
26. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 7*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
27. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 8*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
28. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 9*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
29. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Al-Ma'alim al-Hadhariah Siri 10*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

30. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2005. *Ahasin al-Kalim Syarh Hikam*. Cetakan Pertama. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
31. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2006. *Ulu al-Bab: Konsep dan Pengertian Menurut Syarak*. Cetakan Pertama. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI Dilahirkan pada tahun 1969 di Terengganu. Mendapat pendidikan dari Sek. Menengah (A) Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di Universiti Islam Madinah dalam bidang Syariah. Berpeluang belajar secara *talaqqi* dengan kebanyakan ulama-ulama besar di Madinah, antaranya, kitab hadis *Sahih Muslim*, *Bulughul Maram* dan beberapa kitab fiqh melibatkan 4 mazhab. Melanjutkan pelajaran ke Negara Syam sebagai menyambung tradisi ilmu daripada ulama-ulama tersohor termasuk juga di Jordan dan Syria. Antara tokoh yang pernah didampinginya ialah Syeik Dr. Mohd. Sa'id Ramadhan al-Buti dan Abdul Latiff Fatur. Kemudian menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (Master) di Syria. Seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sains Malaysia dalam bidang Syariah di bawah bimbingan Dr. Radzi. Bergiat dalam penulisan kitab-kitab, antaranya Sharh al-hikam dan banyak lagi. Kini menjawat jawatan sebagai pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (sejak 2000) dan Negeri Terengganu (sejak 2005) serta menjadi Pengerusi Majlis Syariah Bank Pertanian Malaysia (sejak 2006).

ISBN 978-983-2950-52-3



9 789832 950523